

06/05/1997

Khamisah berbakti kepada empat PM

Zulkofli Jamaludin

WALAUPUN penat seharian bertugas di pejabat, namun bagi Khamisah Sabdil, 57, memasak untuk keluarga adalah kewajipan yang perlu dilakukan setiap hari bagi mengukuhkan kemesraan sekeluarga.

Kini bekas pembantu Khas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ini yang bersara minggu lalu itu, mempunyai sepenuh masa untuk bersama keluarga.

Jika dulu masa terpaksa dibahagikan antara tugas dan keluarga kini beliau ingin mengisi masa yang terlepas bersama anak dan suami di rumah.

Inilah satu-satunya perkara yang ingin dilakukan tanpa bergegas ke pejabat. Kehidupan mudah dan ringkas dengan menjadi suri rumah sepenuh masa walaupun kesempatan itu hanya dapat dilakukan setelah bersara.

"Saya akan menumpukan perhatian saya kepada keluarga dan mana-mana yang tidak dapat dilakukan dulu akan saya cuba lakukan sekarang," katanya ketika ditemui di rumahnya di Klang.

Mengenang kembali ketika masih bekerja, menurutnya, beliau bersama suami, Yahya Mohamad, 57, yang bertugas di Bank Negara meninggalkan rumah di Klang untuk ke tempat kerja dan sampai sebelum waktu pejabat.

Bagaimanapun, beliau tidak meninggalkan pejabat pada jam 4.15 petang tetapi balik pada lewat petang atau malam.

Walaupun beban tugas pejabat yang banyak, beliau bersama suaminya tidak suka makan di luar rumah, malah sanggup memasak sendiri masakan kegemaran keluarga dan makan bersama.

"Suami saya suka makan di rumah. Jadi kami sekeluarga sering makan lewat pada jam 9 atau 10 malam kerana menyediakan sendiri masakan walaupun ada pembantu rumah.

"Walaupun jarang memasak kegemaran suami iaitu - dalca, kami sekeluarga tetap berselera makan bersama anak-anak di samping mengeratkan hubungan keluarga," katanya.

Hasil perkongsian hidup dengan suaminya, Khamisah dikurniakan lima anak, termasuk dua lelaki. Anak pertama, Yazlina dan kedua, Suzaini sudah bekerja manakala Yazrul Ikram, Emi Suraya dan Syhrul Nazar masih menuntut.

Satu lagi kenangan yang tidak akan dilupakannya ialah mendaki gunung pada usia 53 tahun, apatah lagi Gunung Kinabalu setinggi 4,036 meter iaitu puncak tertinggi di rantau ini.

Beliau bersama suaminya bukan saja berjaya menawan puncak Kinabalu malah meraikan hari kelahiran Yahya ke-53 pada 23 September 1993 di pertengahan perjalanan turun.

Khamisah, sanggup menyahut cabaran menyertai pendakian itu tanpa latihan secukupnya berikutan kesuntukan masa berlatih.

Latihan dua kali seminggu selama dua bulan sebelum pendakian sudah cukupnya baginya menyertai rombongan pendakian seramai 16 orang yang mengambil masa selama lapan hari.

Kepenatan pendakian terubat apabila berjaya sampai ke puncak dan memperolehi sijil yang memperakukan kejayaan beliau dan suami menawan Kinabalu.

Khamisah yang bertugas di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, tidak menganggap tugas sebagai penghalang mencapai matlamat menawan gunung, malah menggunakan masa terhad bagi menjalani latihan.

"Saya yang ditemani suami berjogging dan memanjat tangga di Tasik Perdana selama dua bulan sebagai persiapan untuk pendakian.

"Walaupun tidak aktif bersukan, saya bersyukur kerana sihat dan berjaya

menamatkan pendakian sehingga ke puncak," katanya.

Beliau yang pernah berkhidmat dengan empat Perdana Menteri - Almarhum Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Dr Mahathir, begitu iltizam dengan tugasnya.

Mengimbas kembali pengalamannya bekerja dengan Dr Mahathir, beliau berkata Perdana Menteri adalah pemimpin yang istimewa.

"Dr Mahathir terlalu kuat bekerja dan beliau biasanya membaca akhbar mulai 8 hingga 8.30 pagi, sebelum memulakan tugas pejabat dan hanya pulang pada lewat petang.

"Saya sendiri hanya balik selepas Perdana Menteri meninggalkan pejabat bagi memastikan semua urusan pejabat diurus dengan baik," katanya.

Berkat kegigihannya, beliau adalah satu-satunya pembantu khas di negara ini yang dianugerahkan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) pada 1985, sebagai penghargaan terhadap tugas cemerlang yang dijalankan.

Menurutnya, ketika bertugas sebagai jurutrenkas di bawah Tun Hussein, beliau juga sering pulang lewat terutama setiap Selasa.

"Saya bersama Ketua Setiausaha terpaksa menyiapkan kertas Jemaah Menteri yang akan bermesyuarat keesokannya," katanya.

Menurutnya, pengalaman bertugas dengan empat Perdana Menteri meninggalkan banyak pengalaman serta kenangan manis apatah lagi setiap tokoh itu mempunyai gaya tersendiri dalam menjalankan tugas sebagai pemimpin negara.

(END)